

**19875**

**A. Samad Idris et al. Luak tanah mengandung. Seremban:  
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri dan  
Kerajaan Negeri Sembilan, 1994.**

# **BAB 5**

---

## **LUAK INAS**

---



**Dato' Mohd Yusuf bin Bador  
Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa  
Walat Kuala Dioh**

(Penghulu Luak Inas)



**Dato' Alias bin Ibon**  
(Dato' Bentara Jantan)



**Dato' Saenah bt Ahmad**  
(Dato' Bentara Betina)



**Dato' Mansor bin Subuh**  
(Dato' Menteri)



**Dato' Haji Abdullah bin Noh**  
(Dato' Setia Raja)



**Dato' Haji Sulaiman bin Atin**  
(Dato' Baginda Maharaja)



**Dato' Ujang bin Tanggam**  
(Dato' Andika)



**Dato' Baba bin Boyok**  
(Dato' Baginda Raja)



**Dato' Idris bin Awe**  
(Dawto' Baugza Balang)

## **PENGHULU LUAK DAN LEMBAGA LUAK INAS**

1. Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Walat Kuala Dioh  
(Dato' Mohd Yusuf bin Bador) - Penghulu Luak Inas  
Suku Biduanda Waris
2. Dato' Bentara Jantan  
(Dato' Alias b. Ibon) - Bakal Penghulu Luak  
Suku Biduanda Waris
3. Dato' Bentara Betina  
(Dato' Saemah bt. Ahmad) - Ibu Waris  
Suku Biduanda Waris
4. Dato' Menteri  
(Dato' Mansur b. Subuh) - Suku Biduanda Kuala Punggor
5. Dato' Setia Raja  
(Dato' Hj. Abdullah Noh) - Suku Biduanda Chenderong
6. Dato' Baginda Maharaja  
(Dato' Haji Sulaiman Atin) - Suku Seri Lemak Minangkabau
7. Dato' Andika  
(Dato' Ujang Tanggam) - Suku Seri Melenggang
8. Dato' Baginda Raja  
(Dato' Baba bin Boyok) - Suku Biduanda Buah Petai
9. Dato' Bangsa Balang  
(Dato' Idris b. Awe) - Suku Tiga Nenek

# LUAK INAS

## 1. SEJARAH RINGKAS LUAK INAS

- 1.1 Luak Inas terletak di antara Daerah Kuala Pilah dan Daerah Tampin. Terdapat beberapa buah perkampungan dengan penduduknya merupakan penanam padi dan penoreh getah. Sebahagian daripada penduduknya memang ada yang berkhidmat dengan kerajaan, tetapi majoritinya adalah petani. Di Luak Inas ini juga terdapat perkampungan orang Asli yang menunjukkan mereka adalah penduduk asal bagi luak berkenaan.
- 1.2 Hanya dianggarkan dalam kurun ketujuh belas atau kelapan belas barulah orang-orang Minangkabau meneroka ke luak berkenaan. Orang-orang Minangkabau bertumpu ke Naning dan Rembau sebelum mereka membuat penempatan baru di Luak Inas. Berikutan dengan pergolakan di luak Rembau dan Naning awal kurun kesembilan belas, bertambah ramailah orang-orang Minangkabau di luak berkenaan berpindah ke Inas.
- 1.3 Mereka berpindah beramai-ramai bagi mencari tempat yang aman damai setelah Rembau terbabit dalam perang dengan orang-orang Bugis tahun 1812, di samping perang Naning iaitu pemberontakan Dato' Dol Said menentang British dalam tahun 1831/32. Sebelum itu dipercayai orang-orang Minangkabau sudah bertapak di Luak Inas yang dikenali sebagai Jelai ketika itu.
- 1.4 Berdasarkan fakta orang-orang Luak Ulu Muar mengadap Dato' Johol meminta seorang penghulu, kemudiannya diperkenankan anak Penghulu Luak Inas memerintah di Luak Ulu Muar, bermakna sudah lama orang-orang Minangkabau bertapak di situ di bawah naungan Johol. Sumber sejarah lisan di Inas juga mengesahkan bahawa Senduk Emas anak Penghulu Luak Dato' Bayan menjadi penghulu di Ulu Muar setelah berkahwin dengan Khatib Akhir daripada Suku Seri Lemak Pahang.
- 1.5 Sehingga sekarang masih ditemui kubur Senduk Emas di Padang Biawas dalam Luak Inas yang dikenali sebagai Penghulu Berlantai Kulit. Penubuhan awal Negeri Sembilan tahun 1773 juga memasukkan Inas salah sebuah luak (Negeri) yang bergabung sama. Ini bermakna Luak Inas merupakan di antara luak yang

tertua dibandingkan dengan lain-lain luak di Tanah Mengandung. Semasa bergabung dalam kesatuan Sembilan Negeri dinamakan 'Negeri Sembilan' itu, Luak Inas dikenali sebagai Jelai.

- 1.6 Malah ada sumber menyebut Luak Johol dan Inas adalah berasaskan daripada luak yang sama. Asal usul jurai keturunan penghulunya juga dikatakan daripada Nenek Tukul, Nenek Landasan, Nenek Jelondong dan Nenek Karah. Malah pernah berlaku Undang Luak Johol juga merangkap menyandang pesaka Penghulu Luak Inas.
- 1.7 Dato' Rambutan Jantan (1790 - 1810) dan Dato' Nuri (1810 - 1820) adalah Undang Luak Johol yang juga menyandang pesaka Penghulu Luak Inas. Oleh itu kedudukan Inas sama seiring jalan dengan Luak Johol. Sejarah Luak Inas mengikut sumber mitos adalah seperti berikut:
 

*“...Sebelum Inas dibuka, ia dikuasai oleh Maharaja Jin yang bernama Maharaja Joing. Maharaja ini beristana mahligai di Lubuk Bunga sekarang ini. Maharaja Joing telah dapat dipengaruhi oleh hulubalang Bendahara Sekudai bernama To' Sabun di Sungai Keruh untuk mengahwinkannya dengan Puteri Kanun yang duduk di puncak gunung di hulu Sungai Jernih. Dengan tipu helah To' Sabun dan Puteri Kanun maka maharaja Joing yang bermaharaja lela itu telah dapat dipenjarakan di bawah mahligai di Lubuk Bunga sekarang ini. Setelah Maharaja Jin itu dapat dipenjarakan, barulah lembah Sungai Jernih dapat diteroka dan bercucuk tanam terutamanya padi. Oleh kerana kawasan itu subur maka ramailah orang yang datang bercucuk tanam. Asal nama Inas diambil sempena daripada sungainya yang jernih. Mereka hanya menyebut perkataan INEH iaitu kependekan perkataan JERNIH. Perkataan INEH ini telah ditulis sebagai INAS dalam bahasa persuratan dan kekal hingga sekarang...”*
- 1.8 Bagaimanapun daripada sumber yang lain pula, Luak Inas tetap berdiri sendiri sebagai luak yang berdaulat semenjak awal kurun kelapan belas. Ketika ini pemerintahnya ialah Penghulu Embun Seri seorang perempuan. Tetapi Penghulu Luak Inas ketika Dato' Bayan telah membuat kesilapan besar menyerahkan kepercayaan kepada Dato' Johol dalam urusan mempersetujui menjemput Raja Melewar dari Pagar Ruyung.

- 1.9 Akibat kesilapan Dato' Bayan ini kedudukan Inas menjadi tidak setanding dengan Luak Johol dalam membentuk peraturan pemerintah di Negeri Sembilan. Dalam pakatan awal memang Luak Inas termasuk menyertai sembilan luak menubuhkan Negeri Sembilan tahun 1773 itu. Disebabkan Inas sebuah wilayah yang kecil, kedudukannya tenggelam di bawah bayangan wilayah yang lebih besar seperti Johol.
- 1.10 Menjadi kemestian pula di Luak Johol dan persekitarannya termasuk Luak Inas ini, penghulunya bermula daripada Perempuan. Inas yang sebelumnya dikenali sebagai Jelai diperintah oleh Embun Seri seorang penghulu perempuan dengan taraf 'bergajah tunggal'. Kekuasaannya diakui oleh Sultan Johor sebagai luak berdaulat dalam tahun 1760. Sewaktu Bayan menjadi Penghulu Luak Inas, beliau telah dikurniakan cop mohor kekuasaan yang membawa gelaran Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Walat Kuala Dior 6.H. 1218.
- Bagaimanapun fakta yang menyebut Penghulu Dato' Bayan mewakilkan kepada Dato' Siti Awan II, Undang Luak Johol dalam memberi mandat menjemput raja dari Minangkabau mungkin tidak berapa tepat. Kemungkinannya ialah berkaitan dengan pakatan membentuk kesatuan sembilan negeri (Luak) yang diusahakan oleh Raja Melewar tahun 1773.
- 1.11 Langkah Penghulu Bayan ini tidak disenangi oleh Dato'-dato' Lembaga kerana mereka berpendapat Luak Inas telah menyerahkan kuasa kepada Dato' Siti Awan II. Bagaimanapun dalam struktur pemerintahan Negeri Sembilan hanya kedudukan Penghulu Luak Inas sahaja tidak termasuk dalam kuasa UNDANG YANG EMPAT, tetapi Luak Inas tetap termasuk dalam pakatan sembilan (luak) itu. Ertinya, Dato' Siti Awan tidak mengenepikan Luak Inas.
- 1.12 Apabila Penghulu Bayan meninggal dunia perbalahan tercetus untuk melantik bakal penghulu. Perbalahan ini telah berlanjutan di samping tidak mendapat kata sepakat di kalangan Dato'-dato' Lembaga. Kesempatan ini telah diambil oleh Dato' Rambutan Jantan, Undang Luak Johol keempat, dengan menyelesaikan perbalahan tersebut yang diterima baik pula oleh penduduk-penduduk Luak Inas.
- 1.13 Langkah Dato' Rambutan Jantan ini menjadikan beliau Undang Luak Johol yang sekaligus merangkap Penghulu Luak Inas. Selepas beliau meninggal dunia dalam tahun 1810, pengantinnya

Dato' Nuri juga meneruskan kuasanya dengan menyandang dua pesaka serentak iaitu Undang Luak Johol dan Penghulu Luak Inas. Selepas Dato' Nuri meninggal dunia tahun 1820, barulah pesaka Penghulu Luak Inas dikembalikan kepada waris Inas sendiri iaitu Penghulu Mantik.

- 1.14 Semenjak itu kekuasaan yang diwarisi turun temurun daripada Penghulu Embun Sari tidak lagi berkesan dengan perlantikan Penghulu Mantik itu. Beliau hanya diiktiraf sebagai penghulu luak yang dimasukkan di bawah kekuasaan lingkungan Luak Tanah Mengandung sahaja. Sejarah ringkas Luak Inas ini memperlihatkan wujudnya krisis dengan Luak Johol, yang menyebabkan peranan Luak Inas menjadi kecil dalam sistem beradat di Negeri Sembilan.
- 1.15 Tetapi kenapa gelaran Penghulu Luak Inas mempunyai persamaan seakan-akan gelaran Undang Luak Johol iaitu Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan. Ini membuktikan pengaruh Luak Johol memang wujud sama ada kedudukan penyandang pesaka mahupun gelarannya. Nathan dan Winstedt apabila menulis mengenai Luak Inas dalam 'Papers on Malay Subject' tidak diasangkan daripada sejarah Luak Johol sendiri.
- 1.16 Dari segi geografi juga kedudukan Inas dan Johol tidak boleh dipisahkan. Logiknya kedua-dua luak ini terlingkung dalam satu ikatan kekeluargaan yang sama, tetapi dipisahkan oleh kuasa mengikut peraturan adat. Luak Johol mendapat kuasa adat dengan penghulu luaknya termasuk dalam kekuasaan UNDANG YANG EMPAT, sementara Penghulu Luak Inas hanya berkuasa sebagai Penghulu Luak di kalangan lima luak dalam Tanah Mengandung.

## 2. PENGHULU LUAK INAS

- 2.1 Pesaka penghulu luak diwariskan kepada suku Biduanda Waris yang mengandungi tiga perut. Ketiga-tiga perut inilah menerima giliran bagi menyandang pesaka Penghulu Luak Inas, iaitu:
- Perut Inas
  - Perut Dingkir
  - Perut Nuri
- 2.2 Kalau berdasarkan nama Kampung Nuri diambil sempena Undang Luak Johol Dato' Nuri, kemungkinan perut Nuri wujud selepas tahun 1820. Pemilihan Penghulu Luak Inas satu ketika dahulu dipengerusikan oleh Undang Luak Johol yang

melambangkan kekuasaan Johol ke atasnya. bagaimanapun tidak diketahui pula apakah Dato' Rambutan Jantan dan Dato' Nuri yang juga menyandang pesaka Penghulu Luak Inas daripada perut Inas atau Dingkir?

- 2.3 Tidak juga diketahui apakah motif Penghulu Luak Inas bermula daripada kaum Ibu, sama dengan apa yang dijalankan di Luak Johol? Kalaulah sistem pemilihan penghulu berdasarkan kepada sistem sosial orang-orang Asli, mereka tidak pernah melantik 'Tok Batin' daripada kalangan kaum ibu.
- 2.4 Embun Seri yang menjadi Penghulu Luak Inas pertama adalah seorang wanita. Bagaimanapun diagakkkan giliran mengikut perut hanya bermula ketika Dato' Biong. Sebelumnya mengikut catatan ke semua mereka yang menyandang pesaka terdiri daripada perut Inas, seperti direkodkan oleh Nathan dan Winstedt. Giliran penyandang pesaka Penghulu Luak Inas dicatatkan begini:

Gelaran Pesaka	DATO' JOHAN PAHLAWAN LELA PERKASA WALAT KUALA DIOH		
Perut	Inas	Dingkir	Nuri
Penyandang secara kronologi	1. Embun Sari (Wanita) 2. Bayan 3. Rambutan Jantan (Undang Luak Johol) 4. Nuri (Undang Luak Johol) 5. Mantik 6. Chenderung 7. Sohat 8. Biong  11. Ujang b. Chepos  14. Rentah B. Takin (Meninggal 9.7.1980)	9. Omar  12. Abdul Ghani Layar (dipecat)	10. Sulong  13. Bachik Abdul Rahman

- 2.5 Giliran mengikut perut yang disenaraikan ini berpandukan kepada catatan Nathan dan Winstedt mengenai Penghulu Luak Inas. Daripada senarai tersebut berlaku sekali pemecatan ke atas Penghulu Luak yang sedang menyandang pesaka iaitu Abdul Ghani bin Layar. Ketika ini Undang Luak Johol disandang oleh Dato' Kamat bin Haji Sulaiman (1918 - 1947).
- 2.6 Pemecatan: Hanya boleh dilakukan setelah diteliti kesalahan yang dilakukan oleh penyandang pesaka. Empat perkara utama yang diteliti apabila seseorang Penghulu Luak itu hendak itu hendak dipecat, mestilah merangkumi salah satu daripada kesalahan besar ini, iaitu:
- Melanggar pantang larang
  - Membunuh orang
  - Menceroboh isteri orang
  - Menghina pesaka
- 2.7 Abdul Ghani bin Layar yang dipecat semasa menyandang pesaka telah melakukan kesalahan salah satu daripada empat yang disenaraikan itu. Dengan itu satu kerapatan adat Luak Inas telah diadakan bagi memecatnya. Kes perlantikan Abdul Ghani bin Layar juga menarik, kerana beliau menyandang pesaka dipilih daripada kalangan anak buah di dalam perut Dingkir.
- 2.8 Mengikut aturan pemilihan Penghulu Luak adalah dengan digantikan oleh Dato' Bentara Jantan. Bagaimanapun sistem giliran perut di Luak Inas bukanlah 'BAKALAN' tetapi berdasarkan 'GILIRAN'. Bakalan: Bermaksud kedudukan Dato' Bentara Jantan bakal pengganti Penghulu Luak Inas secara otomatis menyandang pesaka apakala Penghulu Luak meninggal dunia.
- 2.9 Giliran: Bakal pengganti tidak secara otomatis menyandang pesaka, sekiranya perut yang menerima giliran sampai haknya, maka tidak perlu perut berkenaan menyandang pesaka Dato' Bentara Jantan itu. Peristiwa perlantikan Abdul Ghani Layar berlaku selepas kematian Penghulu Luak Inas Dato' Ujang bin Chepos daripada perut Inas.
- 2.10 Mengikut giliran selepas perut Inas pesaka digilirkan kepada perut Dingkir. Ketika Ujang bin Chepos menjadi Penghulu Luak Inas, perut Dingkir diputuskan mengalami 'rosak adat'. Oleh itu pesaka Dato' Bentara Jantan yang bakal menggantikan Penghulu Luak digilirkan kepada perut Nuri. Melalui usaha Abdul Ghani

Layar perut Dingkir itu 'dipulihkan' dengan bertimbang salah : Seekor kerbau, seguni beras dan sekandar nyiur.

- 2.11 Oleh itu sewaktu Dato' Ujang meninggal dunia, Dato' Bentara Jantan daripada perut Nuri tidak boleh secara automatik menyandang pesaka Penghulu Luak, disebabkan perut Dingkir yang berhak mengemukakan calonnya menyandang pesaka Penghulu Luak Inas, sekalipun di kalangan mereka tidak ada penyandang Dato' Bentara Jantan.
- 2.12 Menjadi aturan adat di Inas satu perut tidak berhak menyandang dua pesaka. Kalau perut Inas menyandang pesaka Penghulu Luak Inas, pesaka Dato' Bentara Jantan hendaklah digilirkan kepada perut Dingkir. Dalam kes Abdul Ghani Layar dilantik menyandang pesaka Penghulu Luak Inas ini tidaklah menjelaskan kedudukan Dato' Bentara Jantan daripada Perut Nuri.
- 2.13 Jurai keturunan Penghulu Luak Inas berkait dengan Undang Luak Johol, sehingga pernah berlaku Undang Luak Johol sekaligus menyandang pesaka Penghulu Luak Inas. Malah Luak Inas sendiri dianggap 'isi' kepada Luak Johol. Dalam sejarah pembentukan Negeri Sembilan tahun 1773, Luak Inas (atau Jelai) adalah termasuk dalam persatuan sembilan negeri itu.

Dalam catatan Dato' Bentara Jantan Alias bin Ibon kepada Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan mengenai Sejarah Inas menyebut:

*"...Sebelum luak Inas dimasuki oleh ramai peneroka-peneroka dari luar namanya dikenali sebagai JELAI, mengikut nama sebatang Sungai yang berpangkal dari Batu Gajah di Ulu Miku, Sempadan Rembau yang mengalir melintasi Luak Inas. Nama JELAI ini telah termaktub di dalam sejarah pembentukan Negeri Sembilan.*

Ada sumber menyatakan Luak Inas dan Johol berdasarkan satu Luak. Asal usul jurai keturunan penghulunya juga dikatakan daripada Neneh Tukul, Neneh Landasan, Neneh Jelondong dan Neneh Karah. Di masa itu Luak Inas diperintah oleh seorang wanita bernama EMBUN SERI, sebagai penghulu. Sementara itu Luak Johol diperintah oleh wanita bernama Siti Awan II selaku penghulunya, kerana masih belum wujud lagi gelaran Undang Luak.

Namun begitu pepatah adat ada menyatakan :

**Beruntuk seorang satu  
Berhak masing-masing  
Hak orang jangan diambil  
Hak kita jangan diberikan**

Semasa pemerintahan Embun Seri (Penghulu Luak Inas yang pertama) dan Dato' Bayan (Penghulu Luak Inas yang kedua) kedudukannya bertaraf bergajah tunggal, yakni tidak dinaungi oleh mana-mana kuasa lain. Ketika ini mereka juga dikenali dengan panggilan Penghulu Luak Jelai.

Sempadan kawasan pemerintahan Penghulu Embun Seri ini mengikut sepanjang aliran Sungai Jelai yang berhulukan dari Batu Gajah, Ulu Miku di sempadan Rembau yang mengalir ke hilir hingga bertemu dengan sungai Muar di Kuala Sungai Jelai.

Seterusnya sampai ke Rompin dan Tasik Bera. Jika mudik mengikut sungai Jelai dari Rompin naik ke atas sampai bertemu dengan sungai Muar di Kuala Sungai Jelai, dan di sebelah kanan sungai Jelai sempadannya ialah sungai Muar naik ke atas sampai Kuala Dior (di Kuala Pilah). Di utara sempadannya sungai Muar, barat sempadannya Rembau, selatan sempadannya Tampin.

- 2.14 Inilah wilayah pemerintahan Penghulu Embun Seri, tetapi sekarang kedudukannya hanya sekitar pendalamian Kampung Inas sahaja. Sebagai bukti pemerintahan Penghulu Embun Seri meliputi seluruh kawasan berkenaan ialah cop mohor yang dikurniakan oleh Sultan Johor iaitu Sultan Abdul Jalil I tahun 1218 Hijrah (dalam catatan sejarah Sultan Abdul Jalil I memerintah Johor 1570 - 1571, baginda mati ketika berusia 9 tahun). Dengan memberi gelaran DATO' JOHAN PAHLAWAN LELA PERKASA WALAT KUALA DIOH, bererti wakil Kuala Dior yakni sempadannya sampai ke Kuala Dior Kuala Pilah (Sungai Muar).

Sekarang Luak Inas sudah mendapat kuasanya semula dalam masa Undang Luak Johol ke 10 Dato' Abdul Manap bin Tolok yang mulai menjadi Undang Luak pada tahun 1974. Pada tahun 1980 barulah Penghulu Luak Inas Dato' Yusof Bador dilantik dengan tidak dinaungi oleh Balai Undang Luak Johol, tetapi disaksikan Pegawai Daerah selaku wakil kerajaan

dan Penyelia Adat selaku wakil Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.

### 3. PERISTIWA ROSAK PESAKA

Tiga perut 'kepala waris' iaitu perut Dingkir, perut Nuri dan Perut Inas mengalami peristiwa 'rosak pesaka' ini, manakala satu perut Lembaga Biduanda Buah Petai iaitu perut Solok Kasir mengalami kejadian yang sama. Bagaimanapun dua perut 'kepala waris' itu telah dipulihkan semula oleh anak-anak buahnya mengikut aturan adat yang ditetapkan, tetapi perut Inas dan perut Lembaga Biduanda Buah Petai belum dipulihkan lagi hingga sekarang.

- 3.1 Perut Dingkir : Mengalami peristiwa 'rosak pesaka' selepas kematian Penghulu Luak ke 9 DATO' OMAR, iaitu semasa DATO' PENGHULU SULONG daripada perut Nuri. Bekas isteri Dato' Penghulu Omar iaitu SIMBAM daripada perut Bukit, suku Biduanda Chenerong telah dikahwini oleh UJANG anak buah dalam perut Dingkir ini.

Berikutan dengan kejadian UJANG menikahi bekas isteri Dato' Penghulu Omar, maka perut Dingkir dilarang menyandang pesaka Penghulu Luak Inas dan Dato' Bentara Jantan. Sehinggalah salah seorang daripada waris perut Dingkir ini memulihkan pesaka yang rosak itu dengan 'bertimbang salah'

'Istiadat bertimbang salah' yang dibuat oleh Abdul Ghani bin Layar dengan membayar: Kerbau seekor, beras seguni dan nyiur sepasung dan kayu juga sepasung, membolehkan beliau menjadi Penghulu Luak selepas kematian Dato' Penghulu Ujang bin Chepos, dalam tahun 1940-an.

- 3.2 Perut Nuri: Berlaku dalam tahun 1870-an apabila salah seorang warisnya melakukan kesalahan yang dilarang oleh peraturan adat di Luak Inas. Bagaimanapun 'rosak pesaka' dalam perut berkenaan cepat-cepat dipulihkan oleh ALIAS BIN IBON dalam tahun 1981 sebelum berlaku kekosongan dalam penyandang pesakanya.

Apabila Dato' Bentara Jantan Yusuf bin Bador daripada perut Dingkir dilantik memegang pesaka Penghulu Luak Inas tahun 1981, Alias bin Ibon daripada perut Nuri dilantik oleh anak-anak buah menyandang pesaka Dato' Bentara Jantan

kerana jasa beliau memulihkan semula kedudukan perut Nuri dalam peraturan adat.

- 3.3 Perut Inas : Terbabit dalam kes 'rosak pesaka' ini menjadikan semua perut yang berhak menyandang pesaka Penghulu Luak Inas mengalami peristiwa rosak pesaka di kalangan warisnya. Perut Inas telah rosak pesakanya dalam tahun 1970, dan sehingga sekarang masih belum dipulihkan oleh warisnya menyebabkan mereka dilarang menyandang pesaka Dato' Bentara Jantan, malah seterusnya pesaka Penghulu Luak.

Dalam masa pentadbiran adat Luak Inas di bawah Penghulu Luak Dato' Rentah bin Takin (daripada perut Inas) tahun 1970, telah berlaku perkahwinan satu perut disamping kesalahan 'mengambil suami orang'. Iram binti Othman dariapda perut Inas telah berkahwin dengan Ahmad bin Main daripada perut Inas juga, walhal ketika ini Ahmad masih lagi suami kepada Selamah binti Ismail daripada perut Nuri.

Kesalahan perkahwinan dengan mengambil suami orang itu merupakan amalan biasa dalam masyarakat yang menerima poligami, tetapi yang menjadi punca rosak pesaka itu ialah 'menyalahi adat' iaitu menikah sama dalam satu perut. Ketika ini perut Inas adalah dilarang menyandang pesaka Dato' Bentara Jantan ataupun Penghulu Luak sekiranya berlaku kekosongan.

Bagaimanapun anak-anak buah di kalangan perut Inas memang digalakkan supaya memulihkan semula kedudukan mereka yang sudah 'rosak pesaka' itu bagi membolehkan perut Inas berhak menerima giliran pesakanya kelak.

- 3.4 Perut Solok Kasir: Daripada suku Biduanda Buah Petai mengalami kejadian 'rosak pesaka' menyebabkan dilarang menyandang pesaka Dato' Lembaga DATO' BAGINDA RAJA. Kejadian 'rosak pesaka' yang berlaku ke atas perut Solok Kasir ini merupakan kisah tragis yang menyayat hati pernah berlaku dalam sejarah Luak Inas.

Peristiwa sedih ini berlaku dalam masa pemerintahan Dato' Penghulu Sulong, apabila Mat Hassan daripada perut Dingkir dalam waris pesaka Penghulu Luak berkahwin dengan SANI seorang gadis daripada perut Solok Kasir iaitu suku Biduanda Buah Petai.

Perkahwinan mereka tidak mendapat anak menyebabkan berlaku perceraian di antara mereka berdua. Sekalipun sudah bercerai namun kasih sayang Mat Hassan terhadap isterinya masih tidak kunjung padam. Tidak lama selepas bercerai dengan Mat Hassan, seorang pemuda daripada suku Seri Melenggang bernama Si Jengkal telah masuk meminang Sani.

Setelah berkahwin dengan Si Jengkal rupa-rupanya Sani juga masih menyayangi bekas suaminya Mat Hassan. Hubungan sulit mereka berdua telah diketahui oleh Si Jengkal hingga berlaku pergaduhan di suatu kawasan lapang. Dalam perkelahian yang berlangsung selama satu hari satu malam itu Si Jengkal dan Mat Hassan sama-sama terkorban.

Kawasan lapang tempat mereka berdua bertikam itu masih ada sekarang bekasnya, dan dikatakan tidak ditumbuhinya rumput. Manakala keris kepunyaan Mat Hassan yang digunakan bertikam dengan si Jengkal itu masih ada dalam simpanan warisnya daripada perut Dingkir.

Peristiwa menyayat hati ini perlu dilihat daripada aspek sosial yang membabitkan pertikaian adat dalam Luak Inas. Mereka bertiga mungkin menjadi mangsa masalah sosial ketika itu yang berkait/rapat dengan cinta tiga segi serta campur tangan keluarga. Oleh itu peristiwa ini bukanlah perkara yang mengaibkan, tetapi tragedi malang yang seharusnya menjadi pengajaran kepada kita semua.

- 3.5 Menerima dan menyandang pesaka: Apabila mempunyai hak setelah diteliti susur galur keturunan mereka yang menawarkan diri itu. Mereka yang berhak menerima dan menyandang pesaka itu mestilah daripada soko-baka, suku-sakat yang berketurunan darah orang Melayu yang baik. Ertinya mereka hendaklah terpelihara daripada sebarang cacat-cida, sawan-gila atau rosak pesaka.

Pemilihan keturunan darah Melayu bagi menerima dan seterusnya menyandang pesaka Penghulu/Luak Inas adalah untuk menjamin tidak berlakunya pencemaran adat dalam sistem 'berkedim' atau lain-lain cara yang boleh menjelaskan kemumian adat tersebut. Misalnya apakala berlaku orang bukan Melayu berkahwin dengan perempuan daripada perut waris menyandang, tentulah menimbulkan dilema dalam pemilihan Penghulu Luak disebabkan anaknya adalah waris yang sah mengikut nisab ibu.

Secara tidak langsung telah berlaku di beberapa luak keturunan Syed iaitu bukan daripada keturunan Melayu pernah menyandang pesaka mengetua sistem pertadbiran adat di luak-luak terbabit. Oleh itu Luak Inas menetapkan hanya mereka berdarah keturunan orang Melayu sahaja berhak menerima dan menyandang pesaka Penghulu Luak ini.

#### 4. KUASA DAN PENTADBIRAN

4.1 Kedudukan Penghulu sebagai ketua adat mempunyai bidang kuasa yang tertinggi mengenai adat di luaknya. Sebelum ini Penghulu Luak Inas juga disebut Undang Luak sama dengan UNDANG YANG EMPAT kerana menurut adatnya ialah : Berlembaga Berundang. Bagaimanapun kuasa yang ada padanya tidaklah setara dengan Undang Luak yang menyebabkan pandangan masyarakat terhadap kedudukan penghulu ini berbeza dengan keistimewaan yang diberikan kepada Undang Luak.

4.2 Proses perlantikan Penghulu Luak Inas mengikut aturan 'giliran' bukannya 'bakalan'. Tidak semestinya Dato' Bentara Jantan dilantik menjadi penghulu luak sekiranya berlaku kematian, sekalipun dalam peraturan adat di Inas Dato' Bentara Jantan adalah bakal pengganti Penghulu Luak. Perlantikan Penghulu Luak sama juga dengan proses perlantikan ketua-ketua adat iaitu:

*Berjenjang naik bertangga turun  
Naik dari jenjang nan di bawah  
Turun dari tangga nan di atas  
Alam beraja luak berpenghulu*

4.3 Lantikan Penghulu Luak dibuat oleh Dato' Bentara Betina dengan di persetujui oleh semua Dato'-Dato' Lembaga kerana: Bulat lembaga menjadikan Penghulu, selepas tiga bulan sepuluh hari penghulu sebelum itu meninggal dunia. Sekiranya giliran perut tidak menimbulkan apa-apa keraguan, maka Dato' Bentara Jantan secara automatik dilantik memegang pesaka Penghulu Luak.

4.4 Sekiranya berlaku susunan giliran yang 'melompat', maka Dato' Bentara Jantan akan kekal dengan pesaka yang disandangnya. Sementara itu menjadi tanggungjawab Dato' Bentara Betina dan semua Dato'-dato' Lembaga mencari 'benih' daripada kalangan anak buah biasa dalam perut yang berhak bagi dilantik menyandang pesaka Penghulu Luak.

Misalnya dalam satu ketika Penghulu Luak disandang oleh perut pertama, dengan perut ketiga menerima giliran 'melompat' menyandang pesaka Dato' Bentara Jantan atas sebab-sebab tertentu seperti pernah berlakunya 'rosak adat'. Oleh itu apabila Penghulu Luak meninggal dunia, perut kedua berjaya 'memulihkan adat' maka anak buah biasa daripada perut berkenaan diberi keutamaan menyandang pesaka. Kes demikian pernah berlaku kepada Penghulu Luak Dato' Abdul Ghani bin Layar.

4.5 Pengisytiharan bagi penyandang pesaka Penghulu Luak pula dibuat oleh Dato' Menteri yang kedudukannya sebagai: Hujung lidah Undang (Penghulu) dengan disaksikan oleh Pegawai Daerah yang mewakili kerajaan dan Penyelia Adat mewakili Yamtuan. Di masa lalu pengisytiharan dibuat di telapak bakal penghulu berkenaan, tetapi disebabkan demi kemudahan orang ramai pada masa ini pengisytiharan tersebut diadakan di dewan sekolah.

4.6 Bagaimanapun langkah memindahkan pengisytiharan lantikan penghulu ke dewan sekolah ini bukanlah 'diadatkan' dalam peraturan di Inas, tetapi sekadar 'dibolehkan sahaja' sesuai dengan perbilangannya:

***Bertoreh berteladan  
Teruca terpakai  
Fasal biasa***

4.7 Sistem pentadbiran adat di Luak Inas sama juga dengan luak-luak yang lain mengikut dasar: Berjenjang naik bertangga turun. Struktur pentadbiran adatnya sama juga iaitu Penghulu Luaknya berkuasa penuh dengan dibantu oleh Dato'-Dato' lembaga buapak, juak-juak, hulubalang dan pegawai agama. Terdapat 10 suku terlingkung dalam Luak Inas dengan 7 daripadanya mempunyai lembaga dan 3 lagi di bawah naungan Dato' Bentara Jantan.

4.8 Tujuh suku dalam Luak Inas ini : Tiga daripadanya berasaskan kepada Suku Biduanda, tiga berasaskan Minangkabau dan satu lagi dikenali sebagai Biduanda Waris. Kedudukan suku-suku berkenaan memperlihatkan pengikut-pengikut jurai keturunan orang-orang Asli dan Minangkabau adalah seimbang. Suku yang terlingkung dalam Luak Inas ini ialah:

- i. Biduanda Kepala Punggor
- ii. Biduanda Chenerung
- iii. Seri Lemak Minangkabau
- iv. Seri Melenggang

- v. Biduanda Buah Petai
- vi. Tiga Nenek
- vii. Biduanda Waris

4.9 Di samping tujuh suku yang diketuai oleh Dato' Lembaga ini, terdapat tiga lagi suku tidak mempunyai Dato' Lembaga. Bagaimanapun suku-suku berkenaan diketuai oleh buapak yang dikenali sebagai: Buapak Tiga Carak, dan ditadbirkan dibawah kuasa Dato' Bentara Jantan. Dalam susunan adat di Luak Inas Buapak Tiga Carak ini disebut:

*Buapak Tiga Carak  
Beremak kepada waris  
Berbabak kepada Undang  
Dato' Penghulu Luak Inas*

4.10 Tiga suku yang tidak mempunyai Dato' Lembaga, menjadikan semua suku yang terlingkung dalam Luak Inas berjumlah sepuluh, ialah :

- i. Biduanda Kabung
- ii. Biduanda Kebangsa
- iii. Biduanda Betawi

4.11 Dato' Bentara Jantan : Mengetuai Biduanda Waris ini adalah juga Kepala Waris kepada Suku Biduanda dan ditetapkan sebagai pengganti Penghulu Luak. Di samping itu terdapat lagi satu pesaka di dalam suku berkenaan menjadi Kepala Waris kepada perempuan bergelar Dato' Bentara Betina. Gelaran mereka ini juga memperlihatkan adanya pengaruh dalam pentadbiran orang Asli

4.12 Kedua-dua penyandang pesaka Dato' Bentara Jantan dan Dato' Bentara Betina ini dilantik daripada kalangan suku/perut yang layak menyandang pesaka Penghulu Luak, disebabkan mereka juga dianggap berada di peringkat penghulu. Dalam proses perlantikan Penghulu Luak, Dato' Bentara Jantan dan Dato' Bentara Betina adalah menjadi tumpuan adat bagi memastikan sistem pemilihan berjalan dengan lancar.

4.13 Pesaka Dato' Bentara Jantan disandang oleh tokoh lelaki, manakala Dato' Bentara Betina pula penyandangnya terdiri daripada kalangan perempuan. Sekiranya tidak berlaku giliran 'melompat', memang Dato' Bentara Jantan dilantik menjadi Penghulu Luak apabila berlaku kematian.

- 4.14 Tetapi dalam kes seseorang Penghulu Luak meninggal dunia, sedangkan perut yang menerima giliran tidak menyandang pesaka Dato' Bentara Jantan, maka pemilihan dibuat daripada kalangan anak-anak buah biasa. Ketika inilah tanggungjawab Dato' Bentara Jantan dan Dato' Bentara Betina diperlukan 'mencari benih' dan 'menanam benih'.
- 4.15 Sementara menunggu tempoh tiga bulan sepuluh hari, Dato' Bentara Betina akan memangku pesaka Penghulu Luak, sesuai dengan tradisi adat perpatih menyerahkan pesaka kepada waris perempuan. Dalam proses demikian juga Buapak Tiga Carak dikehendaki mencari tokoh di kalangan anak buah biasa, bagi dikemukakan kepada Dato' Bentara Betina. Buapak Tiga Carak ini terdiri daripada:
- i. To' Paduka Pahlawan, Suku Biduanda Kabung
  - ii. To' Paduka Kebangsa, suku Biduanda Kebangsa (atau Gating)
  - iii. To' Amar Penghulu, suku Biduanda Betawi.
- 4.16 Kuasa menentukan panyandang pesaka Penghulu Luak terletak di tangan Dato' Bentara Jantan dan Dato' Bentara Betina. Mereka boleh menolak calon yang dikemukakan oleh Buapak Tiga Carak sekiranya tidak memenuhi peraturan adat. Kedudukan Buapak Tiga Carak yang diberi tugas mencari calon Penghulu Luak, memperlihatkan mereka semua terdiri daripada suku Biduanda. Dengan ini kuasa mencari calon pesaka Penghulu Luak terletak di tangan jurai keturunan orang Asli, malah tidak seorang pun wakil jurai keturunan Minangkabau menyertainya. Dalam pengisytiharan Penghulu Luak pula, Dato' Menteri lembaga suku Biduanda Kuala Punggor diberi tanggungjawab melakukannya.
- 4.17 Susunan majlis pengisytiharan Penghulu Luak seperti dijalankan pada 8 November, 1990 hanya berpandukan kepada keadaan 'dibolehkan', dan bukannya perkara 'diadatkan' sesuai dengan kaedah zaman sekarang. Susunan tersebut seperti berikut:

DATO' PADUKA KEBANGSA	DATO' PADUKA PAHLAWAN	DATO' PENGHULU LUAK INAS	DATO' AMAR PENGHULU
DATO' BENTARA JANTAN		DATO' BENTARA BETINA	
DATO' LEPA RAJA		DATO' NARA SAKTI	
DATO' MENTERI		DATO' SETIA RAJA	
MAWAN	TO' BIDAN	DATO' JELELA	DATO' NARA KAYA
MENGARANG	TO' PAWANG	DATO' ANDIKAH	DATO' PADUKA JELELA
	DATO' PANGLIMA PUTEH	DATO' BAGINDA MAHARAJA	MEMPERANG KIRI
			MEMDALAM
KETUA KAMPUNG INAS	SETIAUSAHA AJIKK	PENGHULU MUKIM JOHOL	MENGKAKAP II
KETUA POLIS DAERAH K. PILAH		PEGAWAI DAERAH KUALA PILAH	
PENYELIA DAT PENYATA		SALAHAD DEWAN KEDAI DAN UNTAING	
WAKIL BARAKAT JOHOL		KETUA KAMPONG GADING DAN INAS	
KADI JOHOL		GURU BESAR SEK. EEB. INAS	

Susunan majlis ini hanya "istiadatkan" bukan 'diadatkan' seperti ditegaskan oleh Dato' Bentara Jantan Alias bin Ibon dalam pertemuan dengan wakil Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan pada 25 Mei, 1992

- 4.18 Bagaimanapun dalam pentadbiran adat di Luak Inas, Dato' Bentara Jantan akan terus dilantik menyandang pesaka Penghulu Luak apabila berlaku kematian atau pemecatan. Hanya sekali sahaja berlaku anak buah biasa dipilih menyandang pesaka dengan tidak pernah menyandang Dato' Bentara Jantan iaitu Abdul Ghani bin Layar daripada Perut Dingkir.
- 4.19 Ketika ini pesaka Dato' Bentara Jantan disandang oleh Bachik bin Abdul Rahman daripada perut Nuri, dengan Penghulu Luak pula ialah Ujang bin Chepos daripada perut Inas. Sepatutnya apabila Perut Inas menyandang pesaka Penghulu Luak, maka Dato' Bentara Jantan akan dipegang oleh perut Dingkir. Disebabkan berlakunya 'rosak adat' dalam perut Dingkir maka giliran 'melompat' kepada perut Nuri.
- 4.20 Abdul Ghani Layar berjaya memulihkan semula 'rosak adat' dalam perut Dingkir dalam tempoh Penghulu Luak Ujang bin Chepos. Apabila Ujang bin Chepos meninggal dunia Dato' Bentara Jantan Bachik bin Abdul Rahman tidaklah secara automatik menjadi Penghulu Luak, disebabkan giliran penyandang pesaka jatuh kepada perut Dingkir yang sudah dipulihkan semula daripada kes 'rosak adat' itu.
- 4.21 Susunan bagi kedudukan Penghulu Luak, Dato' Bentara Jantan dan Dato' Bentara Betina dalam Luak Inas ialah:

*Penghulu Luak, ketua adat  
Dato' Bentara Jantan, ketua lembaga  
Dato' Bentara Betina, ibu waris*

## 5. PERLANTIKAN DATO' BENTARA JANTAN

- 5.1 Sebagai ketua adat di Luak Inas, perlantikan yang dibuat sama juga dengan proses melantik Penghulu Luak sebagai ibu adat. Lantikan akan dibuat melalui proses: Bulat lembaga menjadikan penghulu/undang, yakni tujuh lembaga di luak Inas akan membuat keputusan melantik Dato' Bentara Jantan apabila berlaku kematian Penghulu Luak atau pemecatan ke atas penyandang pesaka berkenaan.
- 5.2 Biasanya apabila Penghulu Luak meninggal dunia, maka Dato' Bentara Jantan akan dilantik menyandang pesaka tersebut. Dengan ini kekosongan berlaku kepada pesaka Dato' Bentara

Jantan. Ketika inilah Buapak Tiga Carak ditugaskan 'mencari benih' dengan diketuai oleh To' Duka Pahlawan. Mereka akan menyerahkan calon yang dipilih itu kepada Penghulu Luak (yakni Dato' Bentara Jantan yang sudah menyandang Pesaka Penghulu Luak ketika itu) bagi mendapat restu.

- 5.3 Perlantikan Dato' Bentara Jantan diadakan di rumah waris terbabit, dengan Buapak Perut tersebut memanggil kerapatan semua anak buah. Pernah juga berlaku Pesaka Dato' Bentara Jantan diganti bukan atas sebab-sebab kematian Penghulu Luak. Sewaktu Jinis menyandang pesaka Dato' Bentara Jantan beliau jatuh sakit hingga tidak dapat mentadbirkan adat. Ketika ini Penghulu Luak disandang oleh Dato' Rentah bin Takin.
- 5.4 Jinis daripada perut Dingkir apabila dipecat tidaklah boleh digilirkan kepada perut Nuri. Dengan ini pemecatan tersebut hendaklah mengikut proses 'patah tumbuh' dan bukannya 'hilang berganti'. Proses patah tumbuh: Membawa maksud di mania patah di situlah tumbuh; kalau patah pada perut Dingkir, yang tumbuh juga mesti kepada perut Dingkir.
- 5.5 Tidak boleh berlaku proses 'hilang berganti' dalam proses pemecatan demikian. Hilang berganti: Membawa maksud apabila yang hilang itu berlaku pada perut Dingkir, maka hendaklah digantikan oleh gilirannya iaitu daripada perut Nuri. Dengan itu apabila Dato' Jinis dipecat, maka Yusuf Bador daripada perut Dingkir juga dilantik menggantikannya.
- 5.6 Peristiwa pemecatan Dato' Jinis dalam tahun 1974 merupakan kes pertama berlaku dalam Luak Inas, apabila Dato' Bentara Jantan iaitu bakal pengganti Penghulu Luak dipecat. Setelah sembuh daripada penyakitnya Dato' Jinis secara sukarela tidak lagi menuntut pesaka yang terlucut itu.
- 5.7 Langkah menetapkan Dato' Bentara Jantan sebagai bakal pengganti Penghulu Luak bagi mengelakkan berlakunya kekecohan. Sebelum dibuat ketetapan demikian, seringkali berlaku perebutan apabila Penghulu Luak meninggal dunia. Akibatnya menimbulkan kesulitan Dato'-Dato' Lembaga melaksanakan tanggungjawab mereka bagi melantik Penghulu Luak yang baru.
- 5.8 Setelah dibuat ketetapan bahawa Dato' Bentara Jantan bakal pengganti Penghulu Luak, tidak pernah lagi berlaku kekecohan

dalam perlantikan penyandang pesaka Penghulu Luak ini. Manakala proses pemilihan Dato' Bentara Jantan pula dapat dilaksana secara licin, disebabkan Penghulu Luak boleh mengawasi pemilihan tersebut.

- 5.9 Dato' Bentara Jantan ditetapkan sebagai 'kepala waris' bersama Dato' Bentara Betina, dan pemilihan mereka juga mengikut giliran perut sama seperti Penghulu Luak. Mereka yang pernah menyandang pesaka Dato' Bentara Jantan ini seperti senarai di bawah:

Gelaran Kepada Waris	DATO' BENTARA JANTAN		
Perut	Inas	Dingkir	Nuri
Penyandang secara kronologi	1. Tegoh 2. Ahmat 3. Fatih 4. Gumpal 6. Benchus 8. Ujang 10. Rentah Taldin	7. Maasul  11. Jinis 12. Yusuf Bador	5. Sulong  9. Bachik Abdul Rahman  13. Alias b. Ibon (mulai 1981)

- 5.10 Sistem mewujudkan bakal pengganti ini juga memberi manfaat kepada penyandang pesaka Dato' Bentara Jantan mendalam pentadbiran adat sebelum mereka dilantik menyandang pesaka Penghulu Luak. Mereka akan didedahkan terlebih dahulu dengan pelbagai pengalaman yang berkaitan dengan adat. Dengan ini apabila mereka menyandang pesaka Penghulu Luak, sudah tentulah mereka berada dalam keadaan matang sama ada pemikiran maupun pengalaman.
- 5.11 Peristiwa pemecatan ke atas Dato' Jinis sewaktu menyandang pesaka Dato' Bentara Jantan memang tidak pernah berlaku sebelum itu. Bagaimanapun Dato'-Dato' Lembaga terpaksa mengambil keputusan untuk memecatnya setelah difikirkan

secara muafakat bahawa masalah sakit Dato' Jinis membabitkan pentadbiran adat di Luak Inas.

- 5.12 Setelah tersibar khabar angin mengatakan dato'-dato' lembaga mahu memecatnya, Dato' Jinis telah memanggil To' Duka Pahlawan salah seorang daripada Buapak Tiga Carak. Secara berterus terang Dato' Jinis telah bertanyakan kepada To' Duka Pahlawan sama ada desas-desus mahu memecatnya itu benar atau tidak. Dalam keadaan serba salah To' Duka Pahlawan mengakui bahawa dato'-dato' lembaga sudah bermuafakat mahu memecat beliau.
- 5.13 "Disebabkan dato' sakit, maka biarlah pesaka ini dikembalikan kepada waris secara patah tumbuh, iaitu di mana patah di situlah tumbuh", jelas To' Duka Pahlawan. Memang mereka juga sudah bersetuju untuk 'mencari benih' daripada perut Dingkir juga iaitu Yusuf bin Bador.
- Dato' Jinis tersenyum menandakan beliau bersetuju dengan pemecatannya dengan digantikan oleh waris daripada perut Dingkir juga, disebabkan Dato' Jinis memang daripada perut Dingkir. "Kalau ikut cara patah tumbuh, kami pun bersetuju juga," lantas Dato' Jinis memberi pengakuan ikhlas kepada To' Duka Pahlawan.
- 5.14 Dengan persetujuan yang diberikan oleh Dato' Jinis itu memudahkan kerja Dato'-Dato' Lembaga membuat perlantikan baru. Tidak ada sebarang kekecohan berlaku apabila Dato' Jinis dipecat, dan kemudiannya digantikan oleh Dato' Yusuf bin Bador. Apa yang berlaku ke atas pemecatan seseorang ketua adat itu adalah disebabkan terpaksa hingga tidak dapat dielakkan lagi.
- 5.15 Di samping Dato' Bentara Jantan yang dikatakan ketua dato' lembaga dalam Luak Inas, Dato' Bentara Betina juga mempunyai kedudukan setara dengannya iaitu sebagai ibu waris. Proses perlantikan Dato' Bentara Betina juga sama seperti Dato' Bentara Jantan, tetapi penyandang pesakanya ditetapkan daripada tokoh perempuan sahaja. Mereka yang pernah menyandang Pesaka Dato' Bentara Betina ini ialah:

Gelaran Kepala Waris		DATO' BENTARA BETINA		
Perut	Inas	Dingkir	Nuri	
Penyandang secara kronologi	1. Paduka Pahlawan 2. Limah 3. Lijah 5. Sombong 7. Sara	4. Sunyi  8. Saemah binti Ahmad (Mulai tahun 1983)	6. Kontok	

5.16 Kedudukan perut penyandang pesaka Dato' Bentara Betina tidak dipertikaikan sekiranya sama dengan perut Penghulu Luak yang sedang menyandang pesaka. Pada masa sekarang berlaku dengan Penghulu Luak Dato' Yusuf Bador daripada perut Dingkir, manakala Dato' Bentara Betina Saemah binti Ahmad juga penyandang pesaka daripada perut Dingkir.

5.17 Hanya pesaka Dato' Bentara Jantan sahaja tidak dibenarkan disandang oleh perut yang sama dengan Penghulu Luak. Langkah ini bagi mengelakkan berlakunya satu perut menyandang pesaka berturut-turut dua kali. Disebabkan Dato' Bentara Betina tidak berhak menggantikan pesaka Penghulu Luak, kecuali menjadi pemangku apabila berlaku masalah Dato' Bentara Jantan tidak dapat menggantikan pesaka berkenaan, maka masalah satu perut memegang dua pesaka tidak timbul.

## 6. LEMBAGA TIANG BALAI

6.1. Tujuh Dato' Lembaga mengetuai tujuh suku di Luak Inas. Mereka menyandang pesaka seumur hidup, kecuali berlakunya pemecatan atas sebab-sebab melanggar peraturan adat, dan sebarang kesalahan yang berlawanan dengan hukum adat dan syarak. Kuasa memecat Dato' Lembaga terletak pada tangan buapak, dengan disahkan oleh Penghulu Luak dan dipersetujui oleh Yamtuan Besar.

- 6.2 Disebabkan: Bulat buapak menjadikan lembaga, maka sesiapa yang melantik maka mereka lah memecat, inilah menjadi asas kenapa buapak berhak memecat Dato' Lembaga yang melanggar adat. Buapak juga diberi kuasa menolak sebarang perlantikan lembaga yang hendak dibuat, dengan mencari gantinya daripada perut yang sama juga. Terdapat empat syarat utama bagi dinilai oleh buapak apabila melantik lembaga iaitu:
- Mestilah mempunyai tanah pesaka kampung atau sawah di Luak Inas.
  - Mestilah tinggal di Luak Inas, dan mereka yang tinggal di luar luak tidak akan dipertimbangkan.
  - Berkedim dengan sesuatu suku tidak berhak menjadi lembaga, dan
  - Sesiapa yang dilantik menjadi lembaga mestilah berkahwin dengan wanita dari Luak Inas.
- 6.3 Semua syarat dalam pemilihan tersebut memperlihatkan seseorang yang dipilih menjadi lembaga itu mestilah mempunyai sikap patriotik kepada Luak Inas. Tujuh Dato' Lembaga yang mengetuai tujuh suku yang terlingkung dalam Luak Inas ini disenaraikan seperti jadual di bawah:
- | SUKU  | GELARAN LEMBAGA  |
|---|--|
| 1. Biduanda Waris<br>2. Biduanda Kuala Punggor<br>3. Biduanda Chenerong<br>4. Seri Lemak Minangkabau<br>5. Seri Melenggang<br>6. Tiga Neneh<br>7. Biduanda Buah Petai | Dato' Bentara Jantan<br>Dato' Menteri<br>Dato' Setia Raja<br>Dato' Baginda Maharaja<br>Dato' Andika<br>Dato' Bangsa Balang<br>Dato' Baginda Raja |
- 6.4 Sebelum ini suku Biduanda Chenerong dikenali juga sebagai Biduanda Sungai Ujong, yang menggambarkan orang-orang Asli di Inas mempunyai pertalian dengan orang-orang Asli di Luak Sungai Ujong. Dato' Bentara Jantan sekalipun disenaraikan sebagai salah seorang daripada tujuh dato' lembaga, tetapi kedudukannya lebih daripada dato' lembaga. Ianya bukan sahaja bakal pengganti Penghulu Luak, malah termaktub sebagai 'ketua adat' di Luak Inas.
- 6.5 Dengan ini empat dato' lembaga pula disebut 'Lembaga Tiang Balai'. Bagaimanapun Lembaga Tiang Balai ini tidaklah berfungsi

sebagai 'mencari benih' dan 'menanam benih', kerana bakal pengganti Penghulu Luak sudah disediakan lebih awal iaitu Dato' Bentara Jantan. Tetapi kedudukannya seperti dalam aturan adat: Bulat lembaga menjadikan Penghulu, tetap berfungsi kerana mereka pula bertanggungjawab mengisyiharkan Dato' Bentara Jantan, seterlah Buapak Tiga Carak mencari 'benih'.

- 6.6 Kuasa tiap-tiap ketua adat sudah ditetapkan iaitu tidak boleh menyerahkan kuasanya kepada orang lain, ataupun mengambil kuasa orang lain yang dianggap: mengocar meraba lubuk orang. Oleh itu Lembaga Tiang Balai ertinya menjadi tunggak kekuatan pentadbiran adat di balai penghulu. Dato' Lembaga yang di sebut Lembaga Tiang Balai ini, ialah:
- i. Dato' Setia Raja, Suku Biduanda Chenerong.
  - ii. Dato' Baginda Maharaja, Suku Seri Lemak Minangkabau
  - iii. Dato' Andika, Suku Seri Melenggang
  - iv. Dato' Baginda Raja, Suku Biduanda Buah Petai.
- 6.7 Sementara itu Dato' Menteri, Lembaga Suku Biduanda Kuala Punggor adalah 'hujung lidah penghulu' yang secara langsung menjadi orang perantaraan di antara balai penghulu dengan Dato'-Dato' Lembaga yang lain. Dato' Menteri juga diberi tugas mengisyiharkan perlantikan Penghulu Luak dalam upacara pengisytiharan setelah Penghulu Luak meninggal dunia.

## **7. SUKU BIDUANDA KUALA PUNGGOR**

- 7.1 Lembaganya bergelar Dato' Menteri, dengan buapaknya To' Lela Raja, merangkumi dua perut. Kedua-dua perut itu mewarisi pesaka lembaga ini secara bergilir-gilir. Asalnya suku berkenaan terdiri daripada tujuh keluarga sahaja. Bagi mengembangkan lagi jumlah anak-anak buahnya, suku berkenaan dibenarkan berkahwin dengan waris biduanda yang lain.
- 7.2 Dua perut yang terlingkung di dalam suku ini yang akan menyandang pesaka Dato' Menteri secara bergilir-gilir ialah:
- i. Perut Tijah
  - ii. Perut Tiamin'
- 7.3 Perut mereka juga berdasarkan keturunan keluarga, bukannya berdasarkan kampung yang mereka duduki. Dalam senarai

penyandang pesakanya, perut Tijah mendahului memegang pesaka dengan tokohnya Bibun. Mereka yang pernah menyandang pesaka Dato' Menteri ini terdiri daripada:

Gelaran Lembaga	DATO' MENTERI	
Perut	Tijah	Tiamin
Penyandang secara kronologi	1. Bibun 2. Binchus 3. Kulup Ayang  7. Cmbong b. Jangkak  9. Mansur b. Suboh (Mulai Julai 1988)	4. Kotok 5. Montok 6. Haji Chanai  8. Haji Tahat bin Chukup

- 7.4 Pada peringkat awal ternyata gilirannya tidak teratur, dengan perut Tijah berturut-turut menyandang pesaka hingga tiga orang. Kemudian diikuti pula oleh perut Tiamin dengan tiga kali berturut-turut juga. Bagaimanapun selepas Haji Chanai daripada perut Tiamin, giliran penyandang pesakanya sudah berjalan secara teratur.
- 7.5 Sudah tentulah keadaan di peringkat awal itu disebabkan suku mereka hanya kelompok kecil terdiri daripada tujuh keluarga sahaja. Mereka tidak dapat menggilirkan pesaka mengikut giliran perut. Bagaimanapun setelah anak-anak buah berkembang, mereka telah menggilirkan pesaka yang disandang ini secara teratur kepada perut yang berhak.

## 8. SUKU BIDUANDA CHENERONG

- 8.1 Terdapat tiga perut dalam lingkungan suku ini, yang dikatakan menurut catatan Nathan dan Winstedt sebagai suku Biduanda Sungai Ujong. Lembaganya juga salah seorang daripada 'Lembaga Tiang Balai', tetapi tidak diketahui sama ada keturunan

mereka ini berasal dari Sungai Ujong. Bagaimanapun anak-anak buah mereka tidak dilarang berkahwin dengan suku Biduanda yang lain, kerana mereka tidak dianggap satu waris.

- 8.2 Lembaganya bergelar Dato' Setia Raja, dengan buapaknya ialah To' Senara Sati yang mengetuai ketiga-tiga perut yang terlingkung di dalamnya. Tiga perut terlingkung dalam suku Biduanda Chenerong ini, ialah:

- i. Perut Chenerong
- ii. Perut Chemendor
- iii. Perut Bukit

- 8.3 Mungkin perut Chenerong menjadi asas kepada pembentukan suku ini menyebabkan ianya kemudian dikenali sebagai suku Biduanda Chenerong bagi menggantikan Sungai Ujong. Mereka yang pernah menyandang pesaka Dato' Setia Raja ini terdiri daripada:

Gelaran Pesaka	DATO' SETIA RAJA		
Perut	Chenerong	Chemendor	Bukit
Penyandang secara kronologi	1. Dollah 3. Mungkeh 4. Layar  7. Haji Abdullah Mohd Noh (Mulai tahun 1985)	2. Sampai  6. Galin b. Maah	5. Pie bin Keling

- 8.4 Pernah berlaku kekecohan mengenai giliran menyandang Pesaka Lembaga Suku ini dalam masa Penghulu luak Dato' Sulong yang menyebabkan diwujudkan satu lagi perut iaitu perut Bukit. Bagi mengelakkan perbalahan Dato' Sulong membenarkan Pie bin Keling menyandang pesaka Dato' Setia Raja, apabila diwujudkan perut tambahan iaitu perut Bukit itu.

- 8.5 Bagaimanapun selepas kematian Dato' Pie, perut Chenerong bersetuju mengilirkkan pesaka perut Chemendor, setelah perut

berkenaan terlepas menyandang pesaka dengan perlantikan Dato' Pie daripada perut Bukit.

## 9. SUKU SERI LEMAK MINANGKABAU

- 9.1 Lembaganya bergelar Dato' Baginda Maharaja dan termasuk dalam 'Lembaga Tiang Balai'. Buapaknya bergelar To' Senara Pahlawan dengan dua perut terlingkung di dalamnya iaitu: perut Inas dan perut Pulau. Mereka yang pernah menyandang pesaka ini, inilah:

Gelaran Pesaka	DATO' BAGINDA MAHARAJA	
Perut	Inas	Pulau
Penyandang secara kronologi	1. Ludin 2. Ahmat 4. Aris 6. Darin b. Chachah	3. Kulup Raja 5. Tanim 7. Hj. Sulaiman bin Atin (mula sejak tahun 1947 hingga sekarang)

- 9.2 Suku Seri Lemak Minangkabau di Luak Inas mungkin berasal dari Seri Menanti yang ramai didatangi oleh orang-orang Minangkabau sekitar kurun kelapan belas. Apabila mereka membuka penempatan di Seri Menanti semakin lama pengikut-pengikutnya berkembang. Dengan ini mereka terus mencari penempatan baru hingga melebar ke Inas juga.

## 10. SUKU SERI MELENGGANG

- 10.1 Gelaran lemaganya ialah Dato' Andika, dengan buapaknya To' Maharaja Lela. Terdapat empat perut dalam lingkungan suku ini iaitu: perut Siginyeh, perut Kabung, perut Tonggas dan Perut Inas. Lembaganya juga termasuk dalam 'Lembaga Tiang Balai' sesuai dengan jumlah pengikutnya yang besar.

- 10.2 Si Jengkal yang terbabit dalam peristiwa pertikaman dengan Mat Hassan dalam masa pentadbiran Penghulu Luak Dato' Sulong adalah daripada suku Seri Melenggang ini. Dalam pertikaman demi menegakkan maruahnya sebagai seorang suami itu Si Jengkal telah terbunuh, yang menyebabkan waris Mat Hassan 'rosak adat' hingga tidak dibenarkan menyandang pesaka.
- 10.3 Suku Seri Melenggang jug berasal daripada orang-orang Minangkabau yang membuat penempatan di beberapa luak di Negeri Sembilan. Mereka juga ikut membuat penempatan di Inas dengan membawa ramai pengikutnya. Mereka yang pernah menyandang pesaka Lembaga suku berkenaan terdiri daripada:

Gelaran Pesaka	DATO' ANDIKA			
Perut	Siginyeh	Kabung	Tonggas	Inas
Penyandang secara kronologi	1. Rajus 4. Lakar  8. Ujang Tanggam (Sekarang)	2. Rantau 3. Lewar  7. Wan Ahmad Wan Jali	6. Bading	5. Khamis

## 11. SUKU BIDUANDA BUAH PETAI

- 11.1 Tiga perut terlingkung dalam suku ini dengan lembaganya bergelar DATO' BAGINDA RAJA. Lembaga suku ini termasuk salah seorang 'LEMBAGA TIANG BALAI'. Buapaknya bergelar TO' PADUKA RAJA LELA, dan sehingga tahun 1920 hanya terdapat 15 keluarga dalam suku berkenaan. Tiga perut yang terlingkung dalam suku itu ialah: perut Ponggor, perut Masjid dan perut Solok Kasir.
- 11.2 Bagaimanapun perut Solok Kasir dimansuhkan selepas berlakunya peristiwa pergaduhan antara Mat Hassan dan

Si Jengkal yang berakhir dengan pembunuhan. Tragedi berdarah ini membabitkan Sani daripada perut Solok Kasir. Perut ini boleh dipulihkan semula sekiranya mereka bersedia untuk 'bertimbang salah'.

- 11.3 Ini bermakna suku Biduanda Buah Petai tidak mempunyai ramai pengikut, dan hanya bergantung kepada lima belas keluarga itu sahaja. Di bawah Penghulu Luak Dato' Sulong, suku Biduanda Buah Petai ini dipecahkan kepada tiga perut iaitu : Punggor dan Inas. Inas dan Solok Kasir disatukan, dan mereka melantik mengikut giliran di kalangan perut yang ditetapkan itu.
- 11.4 Suku Biduanda Buah Petai ini juga pernah mengalami peristiwa yang memalukan suku mereka berikutan dengan kejadian pembunuhan Mat Hassan dan Si Jengkal kerana menceroboh isteri orang. Kejadian yang berlaku di masa pentadbiran Penghulu Luak Dato' Sulong inilah juga menyebabkan beliau memecahkan suku berkenaan kepada tiga perut.
- 11.5 Peristiwa ini membabitkan Sani, perempuan di dalam suku Biduanda Buah Petai. Sani ialah isteri Si Jengkal yang masih membuat hubungan sulit dengan bekas suaminya Mat Hassan. Berikutan dengan peristiwa tersebut perut Solok Kasir iaitu perut Sani dijatuhkan hukum 'rosak adat', dan tidak berhak lagi menyandang pesaka Dato' Baginda Raja hingga sekarang.
- 11.6 Bagaimanapun mereka boleh mendapatkan pesaka semula sekiranya membayar timbang salah bagi memulihkan semula perut mereka. Sebelum peristiwa Sani menduakan suami memang pernah tokoh daripada perut Solok Kasir menyandang Pesaka Dato' Baginda Raja ini iaitu Dato' Dat. Mereka yang pernah menyandang pesaka Dato' Baginda Raja Lembaga suku Biduanda Buah Petai ini ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' BAGINDA RAJA		
Perut	Ponggor	Masjid	Solok Kasir
Penyandang secara kronologi	1. Mentikong 3. Lari 6. Siaris 8. Baba b. Bonyok (Sekarang)	4. Laji 7. Pilin Senam	2. Dati 5. Lelah (Perut ini dimansuhkan selepas tragedi berdarah SANI menduakan suami)

11.7 Pergolakan yang berlaku dalam suku Biduanda Buah Petai daripada perut Solok Kasir ini memberi kesan kepada perkembangan adat di Luak Inas. Perut berkenaan bukan sahaja tidak lagi berhak menyandang pesaka, malah dihapuskan terus daripada suku tersebut. Apa yang berlaku kepada Sani ternyata membabitkan seluruh keturunannya selepas itu.

## 12. SUKU TIGA NENEK

- 12.1 Bagi Suku Tiga Nenek pula lembaganya bergelar Dato' Bangsa Balang dengan buapaknya To' Senara Kaya. Terdapat dua perut sahaja terlingkung dalam suku berkenaan yang dikatakan bermula daripada dua puluh keluarga. Mereka dikatakan berasal daripada suku Tiga Batu dan Paya Kumbuh dari luak lain yang kemudiannya menetap di Luak Inas.
- 12.2 Langkah mereka menyertai suku Tiga Nenek disebabkan suku mereka tidak ada wakilnya di Luak Inas. Dua perut itu ialah: Perut Inas atau Dingkir, dan perut Durian Ulat. Penyandang pertama pesaka ini ialah daripada perut Durian Ulat, yang menunjukkan mereka adalah pengasas kepada suku berkenaan. Sementara perut yang satu lagi adalah dua suku dari luak lain yang menyertai mereka di Luak Inas. Penyandang pesaka terdiri daripada:

Gelaran Pesaka	DATO' BANGSA BALANG	
Perut	Durian Ulat	Inas atau Dingkir
Penyandang secara kronologi	1. Semilang 2. Itan 4. Obong 6. Idris bin Awe	3. Kasan 5. Sail b. Barau

- 12.3 Lembaga suku Tiga Nenek ini tidak termasuk dalam 'Lembaga Tiang Balai', dan kedudukannya hanya sebagai lembaga biasa sahaja. Berbeza daripada Dato' Menteri Lembaga suku Biduanda Kuala Punggor sekalipun tidak termasuk dalam 'Lembaga Tiang Balai' tetapi mempunyai kedudukan 'hujung lidah undang penghulu'. Dengan kedudukan empat lembaga tergolong dalam 'Lembaga Tiang Balai', satu bakal pengganti penghulu dan satu menjadi 'hujung lidah undang/penghulu', maka Lembaga suku Tiga Nenek satu sahaja tidak mempunyai apa-apa kedudukan.
- 12.4 Bagaimanapun dengan kedudukan tiga lagi ketua adat daripada tiga suku yang tidak mempunyai lembaga, menjadikan lembaga suku Tiga Nenek tidaklah bersendirian. Ketua adat daripada tiga suku yang disebut 'Buapak Tiga Carak' mempunyai kedudukan hampir setara dengan dato' lembaga dalam pentadbiran adat di Luak Inas.

### 13. TURUN DARI ISTANA YANG TINGGI

- 13.1 Dalam proses pemilihan Penghulu Luak apabila berlaku kematian atau pemecatan, dua pesaka yang akan menjadi tumpuan ialah Dato' Bentara Jantan dan Dato' Bentara Betina. Apabila proses pertukaran kuasa berjalan lancar maka Dato' Bentara Jantan akan menggantikan Penghulu Luak. Sekiranya terpaksa mencari daripada kalangan anak buah biasa seperti berlaku dalam kes perlantikan Abdul Ghani Layar, maka Dato' Bentara Betina akan memangku pesaka Penghulu Luak sehingga gantiannya dicari dalam tempoh tiga bulan sepuluh hari itu.
- 13.2 Perlantikan Penghulu Luak akan dibuat oleh Dato' Bentara Betina, setelah mendapat persetujuan semua Dato' Lembaga

sesuai dengan aturan adat: Bulat lembaga menjadikan penghulu/ undang. Hak melantik penghulu adalah kebulatan kerapatan lembaga seperti ditetapkan:

*Alam beraja  
Luak berpenghulu  
Suku berlembaga  
Anak buah berbuapak  
Berompok seorang satu  
Berhak masing-masing  
Harta orang jangan diambil  
Untuk kita jangan diberi*

- 13.3 Dato'-Dato' Lembaga inilah menetapkan dasar adat yang telah ditentukan oleh Penghulu Luak. Perbilangan yang menyebut: Berjenjang naik bertangga turun, adalah membuat maksud segala yang dititahkan di istana akan disampaikan melalui Penghulu Luak. Tanggungjawab Penghulu Luak pula menyampaikan kepada lembaga dan seterusnya kepada buapak.
- 13.4 Buapak pulalah yang menyampaikan titah tersebut kepada anak-anak buah. Peraturan ini menjadi amalan biasa di masa lampau, tetapi sekarang proses demikian menghadapi perubahan sosial disebabkan segala perintah istana sudah disalurkan melalui jentera kerajaan. Pepatah masa lalu masih lagi menjadi panduan dalam sistem beradat seperti ditegaskan:

*Turun dari istana yang tinggi  
Hinggap ke balai nan panjang  
Mengokoh sekalian lembaga  
Menghebah sekalian buapak  
Memakai segala anak buah.*

- 13.5 Di Luak Inas, kedudukan Lembaga suku Biduanda Kuala Punggor menjadi 'hujung lidah undang/penghulu' sekalipun ianya tidak termasuk dalam 'Lembaga Tiang Balai'. Lembaga suku ini, Dato' Menteri akan menyampaikan segala perintah Penghulu Luak kepada Dato' Lembaga yang lain.
- 13.6 Apabila Penghulu Luak memanggil untuk mengadakan kerapatan adat, Dato' Menteri akan menghebahkan kepada semua Dato' Lembaga . Beliau juga akan menyampaikan segala kebulatan muafakat yang dicapai dalam kerapatan adat (mesyuarat) itu kepada buapak bagi disibarkan kepada semua anak-anak buah.

- 13.7 Buapak: Merupakan ketua adat pada peringkat 'perut'. Kedudukan buapak diibaratkan 'ibu dan bapa' kepada anak-anak buah di dalam perut yang diperintahnya. Pemilihan buapak pula dilakukan oleh anak-anak buah perempuan tiap-tiap perut, kerana kaum perempuan yang memerlukan buapak dalam sebarang urusan mengenai adat yakni: Pesaka duduk atas soko.
- 13.8 Istilah 'soko' di dalam adat ialah wanita di dalam perut berkenaan yang melahirkan zuriat bagi mengembangkan lebih ramai anak-anak buah mereka. Apabila dilantik menjadi 'soko' fungsinya ialah menerima pemilihan buapak yang disampaikan kepadanya, sebelum disahkan oleh lembaga yang mengetuai suku masing-masing.
- 13.9 Dalam Luak Inas terdapat sembilan orang buapak, termasuk tiga daripadanya dikenali Buapak Tiga Carak. Kedudukan 'Buapak Tiga Carak' lebih kanan dari pada enam buapak yang lain, disebabkan mereka mengetuai suku sama seperti fungsi Dato' Lembaga. Bagaimanapun telah ditetapkan oleh adat di Luak Inas suku mereka tidak mempunyai lembaga, tetapi diketuai pada peringkat buapak sahaja. Buapak Tiga Carak ini ialah:

GELARAN BUAPAK	JUMLAH PERUT	SUKU
1. To' Penghulu Pahlawan	-	Binduanda Kabung
2. To' Paduka Kebangsa	-	Binduanda Kebangsa(Cating)
3. To' Amar Penghulu	-	Binduanda Betawi

- 13.10 Sudah pun dijelaskan 'Buapak Tiga Carak' ini mengetuai suku yang tidak mempunyai lembaga. Oleh itu pentadbiran lembaga mereka adalah di bawah Dato' Bentara Jantan. Mereka bertanggungjawab 'mencari benih' pesaka Dato' Bentara Jantan, apabila Penghulu Luak meninggal dunia. Kekosongan berlaku kepada pesaka Dato' Bentara Jantan disebabkan ianya dilantik menjadi Penghulu Luak.
- 13.11 Sementara enam lagi buapak mempunyai lembaga masing-masing. Kedudukan mereka samalah dengan fungsi buapak di lain-lain luak. Bagaimanapun buapak-buapak berkenaan mengetuai beberapa buah perut yang terlingkung di dalam suku mereka. Di bawah ini ialah senarai buapak-buapak dalam pentadbiran adat di Luak Inas:

GELARAN BUAPAK	JUMLAH PERUT	SUKU
1. To' Jelela	4	Seri Melenggang
2. To; Lela Raja	2	Biduanda Kuala Punggor
3. To' Nara Sati	3	Biduanda Chenerong
4. To' Nara Kaya	2	Tiga Nenek
5. To' Amar Pahlawan	2	Seri Lemak Minangkabau
6. To' Paduka Jelela	1	Biduanda Buah Petai

- 13.12 Terdapat empat belas perut daripada enam suku yang mempunyai lembaga di luak ini. Daripada empat belas perut itu pula, hanya enam orang sahaja buapak. Setiap suku hanya mempunyai seorang sahaja buapak dengan mengetuai lebih daripada satu perut.
- 13.13 Bagaimanapun telah disahkan oleh Dato' Bentara Jantan Alias bin Ibon dalam pertemuan dengan Jawatankuasa Penyelidikan Kebudayaan Negeri Sembilan pada 25 Mei. 1992 di terataknya, bahawa suku Biduanda Buah Petai sebenarnya mempunyai tiga perut. Sebelum itu suku berkenaan mempunyai empat perut iaitu: Punggor, Masjid, Inas dan Solok Kasir.
- 13.14 Pergolakan yang berlaku di masa pemerintahan Penghulu Luak Dato' Sulong, apabila berlaku pembunuhan disebabkan anak buah daripada suku berkenaan menduakan suami, maka perut Solok Kasir dimansuhkan dan keturunannya tidak berhak lagi menyandang pesaka. bagi menjernihkan suasana yang bergolak inilah tiga perut yang kekal dalam suku tersebut dijadikan satu.

#### 14. JUAK-JUAK HULUBALANG

- 14.1 Di samping itu terdapat dua belas orang penyandang pesaka di peringkat juak-juak hulubalang. Lima daripadanya membantu penghulu luak dikenali sebagai 'juak-juak', hulubalang sahaja. Pemilihan juak-juak juga ditetapkan mengikut suku. Lima juak-juak yang ditugaskan menjadi pengiring penghulu luak ialah:
- Dato' Panglima Puteh, suku Seri Melenggang
  - Dato' Panglima Hitam, suku Biduanda Chenerong
  - Dato' Memperang Kanan, suku Seri Melenggang

- iv. Dato' Memperang Kiri, suku Tiga Nenek
  - v. Dato' Menggarang, suku Biduanda Kabung
- 14.2** Di samping itu mereka yang termasuk di dalam kategori 'juak-juak hulubalang' lima daripadanya dipilih mengikut suku masing-masing, dan dua lagi tidak mengikut suku tetapi di atas kebolehan dan kemahirannya. Jumlah kesemuanya ialah tujuh orang. mereka terdiri daripada:
- i. Meleman-Suku Biduanda Chenerong
  - ii. Mendalam-Suku Biduanda Kebangsa (Gating)
  - iii. Mengakap I-Suku Seri Lemak Minangkabau
  - iv. Mengakap II-Suku Biduanda Betawi
  - v. Mawan-Suku Biduanda Kuala Punggor
  - vi. Pawang Luak-tidak ikut suku,  
hanya kepada mereka yang berkebolehan.
  - vii. Bidan Luak-tidak wikut suku,  
hanya kepada mereka yang berkebolehan.
- 14.3** Semua juak-juak dan juak-juak hulubalang dimestikan hadir dalam majlis pengisytiharan melantik Penghulu Luak, atau sebarang upacara rasmi mengenai adat di balai Penghulu. Mereka akan tugaskan memegang tombak dan alat-alat kebesaran dalam istiadat kerajaan atau lain-lain urusan rasmi bersangkutan dengan adat istiadat di dalam luak.
- 14.4** Luak Inas juga memberi keistimewaan kepada pawang dan bidan duduk dalam majlis rasmi adat. Dua orang juak-juak dilantik atas kuasa Penghulu Luak kepada dua suku yang ditetapkan. Lantikan juak-juak lain dibuat oleh suku masing-masing. Dua juak-juak yang dilantik oleh Penghulu Luak ini mengetuai semua juak-juak dan juak-juak hulubalang. Mereka ialah : Dato' Panglima Hitam, daripada suku Biduanda Chenerong, dan Dato' Panglima Puteh daripada suku Seri Melanggang.
- 14.5** Dua juak-juak ini dibantu oleh sepuluh lagi juak-juak dan juak-juak hulubalang dalam menyediakan alat-alat kebesaran apabila diadakan istiadat kerajaan atau upacara rasmi. Mereka yang pernah menyandang pesaka dua juak-juak yang dilantik oleh Penghulu Luak ini, ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' PANGLIMA HITAM
Suku	Biduanda Chenerong
Penyandang secara kronologi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kamar</li> <li>2. Uteh</li> <li>3. Lanjut</li> <li>4. Haji Yusof b. Mat Shah</li> </ol>

- 14.6 Sementara itu satu lagi suku yang diberi tanggungjawab menyandang pesaka juak-juak ini ialah suku Seri Melenggang. Mereka yang pernah menyandang pesaka daripada suku tersebut terdiri daripada:

Gelaran Pesaka	DATO' PANGLIMA PUTIH
Suku	Seri Melenggang
Penyandang secara kronologi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ujang Deli</li> <li>2. Engah</li> <li>3. Badu</li> <li>4. Mahat</li> <li>5. Semat</li> <li>6. Raman</li> <li>7. Haji Jamaludin b. Sulong</li> <li>8. Dahlan Buyong (Mulai tahun 1985)</li> </ol>

- 14.7 Struktur pentadbiran adat di Luak Inas tetap sama dengan luak-luak yang lain. Pelaksanaannya tentulah berbeza-beza di antara satu sama lain sesuai dengan pepatah orang tua-tua: Lain padang lain belalang, lain lubuk lain ikan. Kuasa pentadbirannya jelas dengan pembahagian kuasa yang disebut:

*Ibu adat, Penghulu Luak  
Ketua adat, Dato' Bentara Jantan  
Ibu waris, Dato' Bentara Betina.*

- 14.8 Pembahagian kuasa kepada Dato'-Dato' Lembaganya juga disebut 'Lembaga Tiang Balai' kepada empat lembaga iaitu: Dato' Setia Raja, Dato' Baginda Maharaja, Dato' Andika dan Dato' Baginda Raja. Manakala Dato' Menteri pula dipanggil:

Hujung tidak undang/penghulu, dan kuasa mencari 'benih' perlantikan Dato' Bentara Jantan dan Dato' Bentara Betina terletak pula pada 'Buapak Tiga Carak' iaitu: To' Paduka Pahlawan, To' Paduka Kebangsa, dan To' Amar Penghulu dengan disertai oleh waris dan anak-anak buah.

## **15. SENARAI NAMA-NAMA BUAPAK TIGA CARAK LUAK INAS**

### **15.1 Suku Biduanda Kabong**

- |                     |   |   |
|---------------------|---|---|
| To' Paduka Pahlawan | - | i. To' Said                                 |
|                     |   | ii. To' Jaalam                              |
|                     |   | iii. To' Pakau bin Maim                     |
|                     |   | iv. To' Haji Md. Yusof<br>bin Bulin         |
|                     |   | v. To' Haji Mustapar bin Haji<br>Ibrahim    |
|                     |   | vi. To' Haji Md. Zain bin Majid             |
|                     |   | vii. To' Haji Duman bin Ansan<br>- Sekarang |

### **15.2 Suku Biduanda Gating**

- |                     |   |   |
|---------------------|---|---|
| To' Paduka Kebangsa | - | i. To' Hussin                               |
|                     |   | ii. To' Busin                               |
|                     |   | iii. To' Kasim                              |
|                     |   | iv. To' Lebai Nayan bin Abu                 |
|                     |   | v. To' Abdullah bin Ab. Wahan<br>- Sekarang |

### **15.3 Suku Biduanda Betawi**

- |                   |   |   |
|-------------------|---|---|
| To' Amar Penghulu | - | i. To' Sijam                            |
|                   |   | ii. To' Kechik Kidar                    |
|                   |   | iii. To' Haji Nordin<br>bin Haji Ismail |
|                   |   | - Sekarang                              |





**COP MOHOR  
PENGHULU LUAK INAS**